



**PANDUAN PENGELUARAN SIJIL
DI BAWAH SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA (SPKM)**

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

1 Februari 2025

KANDUNGAN

1.0	PENDAHULUAN	4
2.0	TAFSIRAN.....	5
3.0	SENARAI RINGKASAN	7
4.0	SYARAT-SYARAT PERSIJILAN	8
4.1.	Syarat-Syarat Umum	8
4.2.	Persijilan melalui kaedah Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) dan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)	8
4.2.1.	Program Penuh Mengikut Tahap bagi kaedah SLaPB dan SLDN.....	8
4.2.2.	Program Tahap Tunggal (<i>Single Tier</i>) Mengikut Tahap bagi Kaedah SLaPB dan SLDN	9
4.2.3.	Program Tahap Tunggal (<i>Single Tier</i>) Tidak Mengikut Tahap bagi Kaedah SLaPB dan SLDN	11
4.2.4.	Program Micro Credential (MC) Bagi Kaedah SLaPB dan SLDN	
4.3.	Program Mengikut Tahap Bagi Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)	12
4.3.1.	Persijilan Bagi Program Mengikut Tahap	12
4.3.2.	Persijilan Bagi Program Tahap Tunggal (<i>Single Tier</i>)	13
4.3.3.	Persijilan Micro Credential.....	13
4.4.	Penganugerahan SKM/DKM/DLKM Kepada Pemegang PC-CU dan Penganugerahan PC-CU Kepada Pemegang PC-WA.....	14
4.4.1.	Permohonan PC-CU Oleh Pemegang PC-WA.....	14
4.4.2.	Penganugerahan SKM Kepada Pemegang PC-CU.....	14
4.4.3.	Penganugerahan DKM/DLKM kepada pemegang PC-CU.....	16
4.4.4.	Tempoh Sah Laku PC.....	18
4.5.	Program SKK/NCS	21
5.0	PROSEDUR PERMOHONAN SIJIL	21
5.1.	Permohonan Sijil Melalui kaedah PPT	21
5.2.	Permohonan Sijil Melalui kaedah SLaPB dan SLDN	21
5.3.	Permohonan Sijil Ganti (Rosak)	22
5.4.	Permohonan Sijil Ganti (Hilang)	22
5.5.	Permohonan Terjemahan Sijil	23
5.6.	Permohonan Transkrip Manual (bagi Calon SLaPB dan perantis SLDN).....	24
5.7.	Pengeluaran Transkrip Secara Atas Talian (bagi calon SLaPB dan perantis SLDN).....	24
5.8.	Permohonan Sijil Tahap Rendah Single Tier	24

5.9. Permohonan PC-CU oleh Pemegang PC-WA.....	25
5.10. Permohonan SKM oleh Pemegang PC-CU	25
5.11. Permohonan DKM/DLKM oleh Pemegang PC-CU	25
5.12. Permohonan Sijil SKM bidang Ujian Tanpa Musnah (NDT).....	26
5.13. Permohonan Persijilan Calon bagi PB yang Telah Menamatkan Operasi	26
5.14. Permohonan Persijilan Calon bagi PB di bawah Tindakan Penguatkuasaan	27
6.0 SEMAKAN PERMOHONAN	27
7.0 PENGESAHAN PENSIJILAN	28
8.0 PENGELUARAN SIJIL	28
9.0 BAYARAN FI	29
10.0 TARIKH KUATKUASA.....	30

1.0 PENDAHULUAN

Panduan Pengeluaran Sijil di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) (selepas ini dirujuk sebagai "Panduan ini") adalah bertujuan untuk menerangkan mengenai syarat, prosedur dan kaedah permohonan pengeluaran Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM), Penyata Pencapaian (PC) dan Transkrip. Panduan ini digunakan bagi pengeluaran sijil di bawah kaedah Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB), Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) dan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN). Syarat yang ditetapkan di dalam panduan ini adalah merujuk kepada Seksyen 34 dan 35 Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] dan hendaklah turut dibaca bersama dengan panduan-panduan berkaitan dengan SPKM yang sedang berkuatkuasa.

- 1) Panduan Pendaftaran Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Sistem latihan Program Bertauliah (SLaPB), Sistem Latihan Dual nasional (SLDN) Dan Kaedah Pengiktirafan Pencapaian terdahulu (PPT)
- 2) Panduan dan Peraturan-Peraturan Pentauliahan Persijilan Kemahiran Malaysia 2007 (Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian)
- 3) Panduan Pelaksanaan Dan Penilaian Kredit Sistem Latihan Program Bertauliah (SLAPB) Berasaskan Kod Amalan Pentauliahan Program Kemahiran (KAPPK)
- 4) Panduan Pelaksanaan Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) Berasaskan Kredit
- 5) Panduan Persijilan Program Standard Kemahiran Kebangsaan (SKK)
- 6) Panduan Pelaksanaan Program Latihan Kemahiran (PLK) Secara Persijilan Tahap Tunggal (Single Tier)
- 7) Panduan Pelaksanaan Latihan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Berasaskan Kod Amalan Pentauliahan Program TVET (Code of Practice For TVET Programme Accreditation – COPTPA)
- 8) Panduan Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)
- 9) Panduan Kemahiran Sosial Dan Nilai Sosial Di Pusat Bertauliah SLDN

- 10) Panduan Pelaksanaan Latihan NCS Core Abilities Bagi Pusat Bertauliah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)
- 11) Panduan Pelaksanaan Standard Kompetensi Kebangsaan (SKK) - Core Abilities
- 12) Lain-lain panduan berkaitan.

2.0 TAFSIRAN

Dalam syarat dan panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

“aktiviti kerja (Work Activity, WA)” ertinya keadaan di mana perkara perihal kerja dilakukan dalam tempoh masa bagi menghasilkan suatu produk, perkhidmatan atau keputusan. Tempoh masa hendaklah mempunyai permulaan dan pengakhiran suatu Aktiviti Kerja;

“calon” ertinya seseorang yang mendaftar untuk mendapatkan kelayakan kemahiran melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia;

“Ketua Pengarah” ertinya mana-mana pegawai awam yang dilantik sebagai Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran di bawah seksyen 17 Akta 652;

“program mengikut tahap” ertinya satu program SKPK/ NOSS pada satu tahap dan bidang merujuk kepada daftar SKPK/ NOSS terkini;

“program tahap tunggal” ertinya kombinasi dua (2) atau lebih program latihan kemahiran merujuk kepada Daftar SKPK/ NOSS terkini yang membawa kepada tahap persijilan yang tertinggi dalam laluan kerjaya tersebut;

“pusat bertauliah” ertinya suatu penyedia latihan kemahiran yang telah diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan suatu program bertauliah sehingga kepada penganugerahan suatu Sijil;

“pentauliahan” ertinya suatu tatacara yang Ketua Pengarah menilai dan meluluskan sesuatu program latihan kemahiran;

“Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)” ertinya satu kaedah untuk memberi pengiktirafan kepada mana-mana individu yang boleh membuktikan keterampilan yang digariskan di dalam Standard berdasarkan kepada pengalaman dan pencapaian terdahulu yang dimiliki;

“perantis” ertinya seseorang yang mendaftar untuk mendapatkan kelayakan kemahiran melalui kaedah SLDN;

“program” ertinya mana-mana satu tajuk pekerjaan untuk satu tahap yang ditetapkan dalam Daftar Standard;

“Sijil” ertinya kelayakan kemahiran yang dianugerahkan kepada seseorang oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 34 Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Akta 652);

“Standard” ertinya Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) yang diwujudkan di bawah Bahagian IV Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (AKTA 652);

“Sistem Latihan Pusat Bertauliah (SLaPB)” ertinya konsep latihan kemahiran berdasarkan Standard dan dilaksanakan sepenuhnya di Pusat Bertauliah (PB);

“Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)” ertinya konsep latihan kemahiran berorientasikan industri melibatkan dua situasi pembelajaran, iaitu 70% hingga 80% latihan praktikal di syarikat dan 20% hingga 30% latihan teori di Pusat Latihan.

“Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skills Standard, NOSS*)” ertinya satu dokumen yang menggariskan keterampilan yang perlu dimiliki oleh seseorang pekerja dalam sesuatu bidang pekerjaan serta laluan untuk mencapai keterampilan tersebut;

“Standard Kompetensi Kebangsaan (SKK) / *National Competency Standard (NCS)*” ertinya spesifikasi kompetensi yang diperlukan bagi seseorang pekerja mahir yang bekerja di Malaysia untuk sesuatu bidang pekerjaan khusus yang memenuhi keperluan industri di bawah SKPK/ NOSS;

“**Unit Kompetensi (Competency Unit, CU)**” ertinya kombinasi kitaran aktiviti kerja lengkap, dapat dilihat, atau diukur yang menyumbang kepada kriteria prestasi untuk menghasilkan suatu nilai (produk, perkhidmatan atau keputusan).

“**Micro Credential (MC)**” ertinya kelayakan mikro yang dianugerahkan bagi program latihan yang dilaksanakan secara modular dalam tempoh yang lebih singkat. Ia dibangunkan berasaskan kepada Competency Unit (CU) atau Work Activity (WA) atau gabungan CU atau gabungan WA bagi kompetensi spesifik sesuatu NOSS.

3.0 SENARAI RINGKASAN

CU	-	Unit Kompetensi (<i>Competency Unit</i>)
DKM	-	Diploma Kemahiran Malaysia
DLKM	-	Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia
JPK	-	Jabatan Pembangunan Kemahiran
JPPS	-	Jawatankuasa Pengesahan Pensijilan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)
LI	-	Latihan Industri
PC	-	Penyata Pencapaian
PB	-	Pusat Bertauliah
PPL	-	Pegawai Pengesah Luaran
PPT	-	Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu
SKM	-	Sijil Kemahiran Malaysia
SPKM	-	Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia
SLaPB	-	Sistem Latihan Program Bertauliah
SLDN	-	Sistem Latihan Dual Nasional
SKK/NCS	-	Standard Keterampilan Kebangsaan (<i>National Competency Standard</i>)
WA	-	<i>Work Activity</i>
MC	-	<i>Micro Credential</i>

4.0 SYARAT-SYARAT PERSIJILAN

4.1. Syarat-Syarat Umum

- a) Menjalani latihan dengan jayanya dalam tempoh yang ditetapkan;
- b) Calon wajib menghadiri sesi verifikasi PPL;
- c) Disahkan terampil oleh Pegawai Pengesah Luaran (PPL);
- d) Diperakukan oleh Jawatankuasa Pengesahan Pensijilan SPKM (JPPS);
- e) Calon tidak akan dianugerahkan Sijil sekiranya didapati telah memiliki Sijil bagi program yang sama melalui mana-mana kaedah persijilan; dan
- f) Calon yang telah memiliki Sijil penuh tidak akan dianugerahkan PC yang terkandung dalam Standard yang sama.

4.2. Persijilan melalui kaedah Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) dan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)

4.2.1. Program Penuh Mengikut Tahap bagi kaedah SLaPB dan SLDN

4.2.1.1. Penganugerahan SKM/DKM/DLKM

Calon layak dianugerahkan SKM/DKM/DLKM setelah memenuhi syarat-syarat persijilan yang ditetapkan seperti berikut:

- a) Memenuhi syarat umum persijilan yang ditetapkan;
- b) Lulus semua komponen penilaian yang ditetapkan merujuk kepada panduan berkaitan; dan
- c) Lulus NCS *Core Abilities* yang ditetapkan bagi calon SLaPB atau Lulus penilaian Kompetensi Sosial dan Kemanusiaan atau NCS *Core Abilities* (yang mana berkaitan) yang ditetapkan bagi perantis SLDN.

4.2.1.2. Penganugerahan PC bagi Program Penuh Mengikut Tahap (Pelaksanaan SPKM berasaskan kredit sahaja)

Calon layak dianugerahkan PC bagi CU yang terampil sekiranya

gagal Program Penuh Mengikut Tahap dan perlu memenuhi syarat-syarat persijilan yang ditetapkan seperti berikut:

- a) Memenuhi syarat umum persijilan yang ditetapkan; dan
- b) PPL hendaklah mendapatkan persetujuan dari calon bagi pilihan dianugerahkan PC atau ulang nilai;
 - i. Sekiranya calon memilih untuk dianugerahkan PC, calon tidak dibenarkan Ulang Nilai; atau
 - ii. Sekiranya calon memilih untuk Ulang Nilai, calon tidak dianugerahkan PC pada tahap tersebut. Sekiranya calon gagal Ulang Nilai, calon akan dianugerahkan PC bagi CU yang terampil pada tahap tersebut.

4.2.2. Program Tahap Tunggal (*Single Tier*) Mengikut Tahap Bagi Kaedah SLaPB dan SLDN

4.2.2.1. Penganugerahan SKM/DKM/DLKM

Calon layak dianugerahkan SKM/DKM/DLKM seperti di Jadual 3 (Lampiran B) setelah memenuhi syarat-syarat persijilan bagi program Persijilan Tahap Tunggal (*Single Tier*) dan syarat berikut:

- a) Memenuhi syarat umum persijilan yang ditetapkan;
- b) Lulus semua komponen penilaian yang ditetapkan; dan
- c) Lulus NCS *Core Abilities* yang ditetapkan bagi calon SLaPB atau Lulus penilaian Kompetensi Sosial dan Kemanusiaan atau NCS *Core Abilities* (yang mana berkaitan) yang ditetapkan bagi perantis SLDN.

4.2.2.2. Penganugerahan Sijil Pada Tahap Rendah Pelatih Yang Tidak Berjaya Mencapai Sijil Tahap Tertinggi

Calon layak dianugerahkan sijil pada tahap rendah sekiranya tidak berjaya mencapai tahap yang didaftarkan bagi program Tahap Tunggal Mengikut Tahap dan perlu memenuhi syarat-

syarat umum persijilan yang ditetapkan dan syarat-syarat khusus seperti berikut:

- a) PPL hendaklah mendapatkan persetujuan dari calon bagi pilihan dianugerahkan Sijil pada tahap rendah atau ulang nilai.
- b) Sekiranya calon memilih dianugerahkan Sijil pada tahap rendah, calon tidak dibenarkan Ulang Nilai; atau
- c) Sekiranya memilih untuk Ulang Nilai, calon tidak dianugerahkan PC pada tahap tersebut dan dibenarkan untuk ulang nilai.
- d) Sekiranya calon memilih untuk ulang nilai bagi melengkapkan tahap tertinggi yang didaftarkan
 - i. Calon akan dianugerahkan Sijil pada tahap tertinggi tersebut sekiranya Terampil ulang nilai; atau
 - ii. Calon akan dianugerahkan Sijil tahap rendah yang berjaya dicapai sekiranya belum terampil ulang nilai.
- e) Sekiranya calon memilih sijil tahap rendah yang berjaya dicapai
 - i. Calon akan dianugerahkan sijil tahap rendah yang berjaya dicapai; dan
 - ii. Calon tidak dibenarkan ulang nilai bagi tahap yang belum terampil.

4.2.2.3. Penganugerahan Sijil Pada Tahap Lebih Rendah Bagi Pelatih Yang Telah Dianugerahkan Sijil Tahap Tertinggi

Calon yang telah dianugerahkan Sijil pada tahap tertinggi yang berjaya dicapai, layak memohon Sijil pada tahap rendah yang telah Terampil sebagaimana di Jadual 3 berdasarkan rekod penilaian sedia ada yang dengan bayaran seperti di Jadual 2 berdasarkan kepada kaedah penilaian persijilan yang dimiliki.

Calon layak dianugerahkan Sijil pada tahap rendah setelah jabatan berpuas hati dengan rekod pentauliahan tahap tunggal

dan rekod penilaian sedia ada. Jabatan berhak memohon bukti tambahan sekiranya perlu.

Jabatan boleh menolak permohonan ini sekiranya tidak berpuas hati dengan pembuktian yang diperolehi.

Permohonan ini terhad kepada persijilan bermula tahun 2011.

4.2.2.4. Penganugerahan PC (Pelaksanaan SPKM Berasaskan Kredit Sahaja)

Sekiranya calon gagal pada tahap tertinggi, calon boleh memohon untuk mendapatkan PC bagi CU yang terampil sebagaimana di **Jadual 3** berdasarkan rekod penilaian yang telah disahkan oleh PPL dengan bayaran seperti di **Jadual 2**.

4.2.3. Program Tahap Tunggal (*Single Tier*) Tidak Mengikut Tahap Bagi Kaedah SLaPB dan SLDN

Calon layak dianugerahkan sijil pada tahap tertinggi yang didaftarkan sahaja dengan memenuhi syarat-syarat persijilan bagi program Persijilan Tahap Tunggal (Single Tier) dan syarat umum persijilan yang ditetapkan. Tiada sijil dikeluarkan sekiranya calon tidak menamatkan latihan pada tahap tertinggi.

4.2.3.1. Penganugerahan Sijil Pada Tahap Lebih Rendah Bagi Pelatih Yang Telah Dianugerahkan Sijil Tahap Tertinggi

Calon yang telah dianugerahkan Sijil pada tahap tertinggi yang berjaya dicapai, layak memohon Sijil pada tahap rendah yang telah Terampil sebagaimana di **Jadual 3** berdasarkan rekod penilaian sedia ada yang dengan bayaran seperti di **Jadual 2** berdasarkan kepada kaedah penilaian persijilan yang dimiliki.

Calon layak dianugerahkan Sijil pada tahap rendah setelah jabatan berpuas hati dengan rekod pentauliahan tahap tunggal dan rekod penilaian sedia ada. Jabatan berhak memohon bukti tambahan sekiranya perlu.

Jabatan boleh menolak permohonan ini sekiranya tidak berpuas hati dengan pembuktian yang diperolehi.

Permohonan ini terhad kepada persijilan bermula tahun 2011.

4.2.4. Program Micro Credential (MC) Bagi Kaedah SLaPB dan SLDN

Calon layak dianugerahkan PC setelah memenuhi syarat-syarat persijilan bagi program MC seperti berikut:

- a) Memenuhi syarat umum persijilan yang ditetapkan; dan
- b) Lulus semua komponen penilaian bagi semua CU/WA yang disyaratkan bagi program MC berkenaan.

4.3. Program Mengikut Tahap Bagi Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)

4.3.1. Persijilan Bagi Program Mengikut Tahap

Calon layak dianugerahkan SKM/DKM/DLKM setelah memenuhi syarat-syarat persijilan yang ditetapkan seperti berikut:

- a) Calon wajib menghadiri sesi verifikasi PPL;
- b) Lulus semua komponen penilaian yang ditetapkan dalam Panduan Pelaksanaan Dan Penilaian Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) Bagi Persijilan Kemahiran Malaysia yang sedang berkuatkuasa;
- c) Memiliki persijilan program penuh pada tahap yang lebih rendah untuk mendapatkan persijilan program penuh yang lebih tinggi dalam kumpulan Standard yang sama;
- d) Disahkan terampil oleh Pegawai Pengesah Luaran (PPL-PPT);
- e) Diperakukan oleh Jawatankuasa Pengesahan Pensijilan SPKM (JPPS); dan

- f) Calon tidak akan dianugerahkan Sijil sekiranya didapati telah memiliki Sijil bagi program yang sama melalui mana-mana kaedah persijilan.

4.3.2. Persijilan Bagi Program Tahap Tunggal (Single Tier)

4.3.2.1 Penganugerahan Sijil Pada Tahap Lebih Rendah Bagi Pelatih Yang Telah Dianugerahkan Sijil Tahap Tertinggi

- a) Calon yang telah dianugerahkan Sijil pada tahap tertinggi yang berjaya dicapai, layak memohon Sijil pada tahap rendah yang telah Terampil sebagaimana di Jadual 5 berdasarkan rekod penilaian sedia ada dengan bayaran seperti di Jadual 2 berdasarkan kepada kaedah penilaian persijilan yang dimiliki. Penganugerahan ini hanya terpakai bagi penilaian secara portfolio sahaja. Tiada sijil pada tahap lebih rendah dikeluarkan bagi penilaian secara amali;
- b) Calon layak dianugerahkan Sijil pada tahap rendah setelah jabatan berpuas hati dengan rekod pentauliahan tahap tunggal dan rekod penilaian sedia ada. Jabatan berhak memohon bukti tambahan sekiranya perlu;
- c) Jabatan boleh menolak permohonan ini sekiranya tidak berpuas hati dengan pembuktian yang diperolehi; dan
- d) Permohonan ini terhad kepada persijilan bermula tahun 2011.

4.3.3. Persijilan Micro Credential

- a) Bagi pelaksanaan program secara micro credential, Penyata Pencapaian (PC) akan dikeluarkan sekiranya calon mencapai keterampilan yang digariskan di dalam Standard dan merujuk kepada Panduan Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) yang sedang berkuatkuasa;
- b) Lulus semua komponen penilaian bagi semua CU/WA yang disyaratkan bagi program MC berkenaan; dan
- c) Calon yang telah memiliki Sijil penuh tidak akan dianugerahkan PC yang terkandung dalam Standard yang sama.

4.4. Penganugerahan SKM/DKM/DLKM Kepada Pemegang PC-CU dan Penganugerahan PC-CU Kepada Pemegang PC-WA

Calon layak dianugerahkan SKM/DKM/DLKM/PC setelah memenuhi syarat-syarat umum persijilan yang ditetapkan seperti berikut:

- a) Permohonan penganugerahan SKM/DKM/DLKM kepada pemegang PC-CU dan Penganugerahan PC-CU kepada pemegang PC-WA hanya dibenarkan bagi kod program NOSS yang sama sahaja.
- b) Calon tidak akan dianugerahkan Sijil sekiranya didapati telah memiliki Sijil bagi program yang sama melalui mana-mana kaedah persijilan.
- c) Permohonan ini boleh menggabungkan mana-mana kombinasi kaedah persijilan iaitu SLaPB, PPT dan SLDN seperti di Jadual 1.
- d) Bayaran adalah seperti di Jadual 2.

4.4.1. Permohonan PC-CU Oleh Pemegang PC-WA

- a) Penganugerahan PC-CU kepada pemegang PC-WA melalui semua jenis kombinasi kaedah persijilan (SLaPB, SLDN dan PPT).
- b) Calon yang memiliki PC-WA layak dianugerahkan PC-CU setelah memenuhi syarat-syarat persijilan seperti berikut :
 - i. Terampil semua WA bagi CU yang dipohon; dan
 - ii. Diperakukan oleh Jawatankuasa Pengesahan Persijilan SPKM (JPPS).
- c) Calon tidak akan dianugerahkan PC bagi CU dalam program yang sama sekiranya didapati telah memiliki SKM/DKM/DLKM/PC bagi program yang sama melalui mana-mana kaedah persijilan.

4.4.2. Penganugerahan SKM Kepada Pemegang PC-CU

4.4.2.1. Penganugerahan SKM kepada pemegang PC-CU melalui kaedah SLaPB

Calon yang memiliki PC-CU layak dianugerahkan persijilan penuh SKM setelah memenuhi syarat-syarat persijilan seperti berikut :

- a) Memiliki Sijil pada tahap yang lebih rendah bagi permohonan Sijil yang lebih tinggi dalam kumpulan program yang sama;

- b) Terampil semua CU bagi tahap yang dipohon;
- c) Calon wajib mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya 6 bulan dan syarat NCS-CA dikecualikan daripada syarat persijilan.
- d) Diperakukan oleh Jawatankuasa Pengesahan Persijilan SPKM (JPPS); dan
- e) Calon tidak akan dianugerahkan sijil bagi program yang sama sekiranya didapati telah memiliki SKM/DKM/DLKM/PC program yang sama melalui mana-mana kaedah persijilan.

4.4.2.2. Penganugerahan SKM kepada pemegang PC-CU melalui kaedah SLDN atau PPT

Calon yang memiliki PC-CU layak dianugerahkan persijilan penuh SKM setelah memenuhi syarat-syarat persijilan seperti berikut :

- a) Memiliki Sijil pada tahap yang lebih rendah bagi permohonan Sijil yang lebih tinggi dalam kumpulan program yang sama;
- b) Terampil semua CU bagi tahap yang dipohon;
- c) Dikecualikan syarat NCS-Core abilities; dan
- d) Diperakukan oleh Jawatankuasa Pengesahan Persijilan SPKM (JPPS).
- e) Calon tidak akan dianugerahkan sijil bagi program yang sama sekiranya didapati telah memiliki SKM/DKM/DLKM/PC program yang sama melalui mana-mana kaedah persijilan.

4.4.2.3. Penganugerahan SKM kepada pemegang PC-CU melalui pelbagai kaedah iaitu kombinasi PC melalui SLaPB, PPT dan SLDN

Calon yang memiliki PC-CU layak dianugerahkan persijilan penuh SKM setelah memenuhi syarat-syarat persijilan seperti berikut :

- a) Memiliki Sijil pada tahap yang lebih rendah bagi permohonan Sijil yang lebih tinggi dalam kumpulan program yang sama;
- b) Terampil semua CU bagi tahap yang dipohon;
- c) Mana-mana kombinasi yang melibatkan kaedah PPT dan SLDN adalah dikecualikan keperluan NCS-Core Abilities dengan mengambil kira pengalaman kerja yang telah diperolehi;
- d) Diperakukan oleh Jawatankuasa Pengesahan Persijilan SPKM (JPPS); dan
- e) Calon tidak akan dianugerahkan sijil bagi program yang sama sekiranya didapati telah memiliki SKM/DKM/DLKM/PC program yang sama melalui mana-mana kaedah persijilan.

4.4.3. Penganugerahan DKM/DLKM kepada pemegang PC-CU

4.4.3.1. Penganugerahan DKM/DLKM kepada pemegang PC-CU melalui kaedah SLaPB, PPT atau gabungan SLaPB dan PPT

Calon yang memiliki PC-CU layak dianugerahkan persijilan penuh DKM/DLKM setelah memenuhi syarat-syarat persijilan seperti berikut :

- a) Memiliki Sijil pada tahap yang lebih rendah bagi permohonan Sijil yang lebih tinggi dalam kumpulan program yang sama;
- b) Terampil semua CU bagi tahap yang dipohon;
- c) Dikecualikan syarat NCS-Core abilities;
- d) Dikecualikan syarat Latihan Industri;
- e) Permohonan hendaklah melalui kaedah PPT dan memenuhi syarat yang ditetapkan dalam Panduan Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) dan dikenakan bayaran fi permohonan Persijilan baharu DKM/DLKM melalui kaedah PPT .
- f) Calon tidak akan dianugerahkan sijil bagi program yang

sama sekiranya didapati telah memiliki SKM/DKM/DLKM/PC program yang sama melalui mana-mana kaedah persijilan.

4.4.3.2. Penganugerahan DKM/DLKM kepada pemegang PC-CU melalui kaedah SLDN, gabungan SLDN dan SLAPB atau gabungan SLDN dan PPT

Calon yang memiliki PC-CU layak dianugerahkan persijilan penuh DKM/DLKM setelah memenuhi syarat-syarat persijilan seperti berikut :

- a) Memiliki Sijil pada tahap yang lebih rendah bagi permohonan Sijil yang lebih tinggi dalam kumpulan program yang sama;
- b) Terampil semua CU bagi tahap yang dipohon;
- c) Dikecualikan syarat NCS-Core abilities;
- d) Dikecualikan syarat Latihan Industri;
- e) Lulus Projek Akhir iaitu sekiranya
 - i. Projek Akhir dilaksanakan di mana-mana CU
Permohonan penganugerahan penuh DKM/DLKM dilaksanakan mengikut prosedur seperti di Perkara 5.10.
 - ii. Projek Akhir tidak dilaksanakan di mana-mana CU
Permohonan persijilan penuh DKM/DLKM bagi calon yang memiliki PC-CU hendaklah dibuat melalui kaedah PPT (Rujuk Panduan Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) dan dikenakan bayaran fi permohonan Persijilan baharu DKM/DLKM melalui kaedah PPT .
- f) Diperakukan oleh Jawatankuasa Pengesahan Persijilan SPKM (JPPS); dan
- g) Calon tidak akan dianugerahkan sijil bagi program yang sama sekiranya didapati telah memiliki SKM/DKM/DLKM/PC program yang sama melalui mana-mana kaedah persijilan.

4.4.4. Tempoh Sah Laku PC

Calon yang telah melengkapkan semua CU/WA serta memenuhi syarat persijilan yang ditetapkan boleh mengemukakan borang permohonan pengeluaran PC dan sijil penuh kepada Jabatan selagi NOSS tersebut tidak dikajisemula atau dijumlahkan.

Jadual 1 : Ringkasan Syarat Persijilan Penganugerahan SKM/DKM/DLKM Kepada Pemegang PC-CU Dan Penganugerahan PC-CU Kepada Pemegang PC-WA

Pengnaugerahan	PC-CU	SKM				DKM/DLKM	
Layak mohon	Pemegang PC-WA	Pemegang PC-CU					
Kombinasi Kaedah	Kombinasi	SLaPB	PPT	SLDN	SLAPB+PPT+SLDN SLAPB+PPT SLAPB+SLDN SLDN+PPT	SLAPB PPT PPT+SLaPB	SLDN PPT+SLDN SLDN+SLaPB
Syarat persijilan	<p>a. Terampil semua WA bagi CU yang dipohon;</p> <p>b. Diperakukan oleh Jawatankuasa Pengesahan Persijilan SPKM (JPPS).</p>	<p>a. Memiliki Sijil pada tahap yang lebih rendah bagi permohonan Sijil yang lebih tinggi dalam kumpulan program yang sama;</p> <p>b. Terampil semua CU bagi tahap yang dipohon;</p> <p>c. Calon wajib mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya 6 bulan dan syarat NCS-CA dikecualikan daripada syarat persijilan.</p> <p>d. Diperakukan oleh Jawatankuasa Pengesahan Persijilan SPKM (JPPS).</p>	<p>a. Memiliki Sijil pada tahap yang lebih rendah bagi permohonan Sijil yang lebih tinggi dalam kumpulan program yang sama;</p> <p>b. Terampil semua CU bagi tahap yang dipohon;</p> <p>c. Dikecualikan syarat NCS-Core abilities; dan</p> <p>d. Diperakukan oleh Jawatankuasa Pengesahan Persijilan SPKM (JPPS).</p>	<p>a. Memiliki Sijil pada tahap yang lebih rendah bagi permohonan Sijil yang lebih tinggi dalam kumpulan program yang sama;</p> <p>b. Terampil semua CU bagi tahap yang dipohon;</p> <p>c. Mana-mana kombinasi yang melibatkan kaedah PPT dan SLDN adalah dikecualikan keperluan NCS-Core Abilities dengan mengambil kira pengalaman yang telah diperolehi;</p> <p>d. Diperakukan oleh Jawatankuasa Pengesahan Persijilan SPKM (JPPS).</p>	<p>a. Memiliki Sijil pada tahap yang lebih rendah bagi permohonan Sijil yang lebih tinggi dalam kumpulan program yang sama;</p> <p>b. Terampil semua CU bagi tahap yang dipohon;</p> <p>c. Mana-mana kombinasi yang melibatkan kaedah PPT dan SLDN adalah dikecualikan keperluan NCS-Core Abilities dengan mengambil kira pengalaman yang telah diperolehi;</p> <p>d. Diperakukan oleh Jawatankuasa Pengesahan Persijilan SPKM (JPPS).</p>	<p>a. Memiliki Sijil pada tahap yang lebih rendah bagi permohonan Sijil yang lebih tinggi dalam kumpulan program yang sama;</p> <p>b. Terampil semua CU bagi tahap yang dipohon;</p> <p>c. Dikecualikan syarat NCS-Core abilities;</p> <p>d. Dikecualikan syarat Latihan Industri;</p> <p>e. Permohonan hendaklah melalui kaedah PPT dan memenuhi syarat yang ditetapkan dalam Panduan Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).</p>	<p>a. Memiliki Sijil pada tahap yang lebih rendah bagi permohonan Sijil yang lebih tinggi dalam kumpulan program yang sama;</p> <p>b. Terampil semua CU bagi tahap yang dipohon;</p> <p>c. Dikecualikan syarat NCS-Core abilities;</p> <p>d. Dikecualikan syarat Latihan Industri;</p> <p>e. Lulus Projek Akhir iaitu sekiranya</p> <p>i. Projek Akhir dilaksanakan di mana-mana CU</p> <p>a) Permohonan penganugerahan penuh DKM/DLKM dilaksanakan mengikut proses seperti di Perkara 5.10.</p> <p>ii. Projek Akhir tidak dilaksanakan di mana-mana CU</p> <p>a) Permohonan persijilan penuh DKM/DLKM bagi calon yang memiliki PC-CU hendaklah dibuat melalui kaedah PPT (Rujuk Panduan</p>

						Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)) f. Diperakukan oleh Jawatankuasa Pengesahan Persijilan SPKM (JPPS).
	Calon tidak akan dianugerahkan PC bagi CU dalam program yang sama sekiranya didapati telah memiliki SKM/DKM/DLKM/PC program yang sama melalui mana-mana kaedah persijilan.	Calon tidak akan dianugerahkan sijil bagi program yang sama sekiranya didapati telah memiliki SKM/DKM/DLKM/PC program yang sama melalui mana-mana kaedah persijilan.				

4.5. Program SKK/NCS

Calon layak dianugerahkan PC di bawah program SKK/NCS setelah memenuhi syarat-syarat persijilan seperti berikut:

- a) Menjalani latihan dalam tempoh yang ditetapkan;
- b) Lulus semua komponen penilaian yang disyaratkan bagi program berkenaan;
- c) Disahkan terampil oleh Pegawai Pengesah Luaran (PPL); dan
- d) Diperakukan oleh Jawatankuasa Pengesahan Pensijilan SPKM (JPPS).

5.0 PROSEDUR PERMOHONAN SIJIL

5.1. Permohonan Sijil Melalui kaedah PPT

5.1.1 Permohonan sijil bagi calon yang dinilai secara atas talian adalah seperti berikut:

- a) PPL akan mengemukakan keputusan verifikasi melalui MySPIKE dan calon tidak perlu membuat permohonan sijil.
- b) Dokumen LPKC dalam format PDF yang telah disahkan oleh PPL-PPT (bagi calon DKM/ DLKM sahaja)- Muatnaik ke pautan kod QR.

5.1.2 Permohonan Sijil bagi calon yang dinilai secara manual .

PPL hendaklah mengemukakan perkara berikut dalam tempoh selewat-lewatnya lima (5) hari selepas tarikh verifikasi:

- a) Borang asal Permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT), JPK/PPT/6/6-2014); dan
- b) Dokumen LPKC dalam format PDF yang telah disahkan oleh PPL-PPT (bagi calon DKM/ DLKM sahaja)- Muatnaik ke pautan kod QR.

5.2. Permohonan Sijil Melalui kaedah SLaPB dan SLDN

Permohonan sijil bagi calon yang telah didaftarkan secara atas talian adalah seperti berikut:

- a) Bagi calon SLaPB, PPL akan mengemukakan keputusan verifikasi melalui MySPIKE dan PB tidak perlu membuat permohonan sijil.

- b) Bagi perantis SLDN, PPL akan mengesahkan keputusan verifikasi melalui sistem eSLDN dan seterusnya PB perlu membuat permohonan sijil melalui sistem eSLDN.

5.3. Permohonan Sijil Ganti (Rosak)

Permohonan sijil ganti (rosak) adalah disebabkan oleh maklumat cetakan pada sijil tidak boleh dibaca dengan jelas, keadaan fizikal sijil yang telah terjejas atau terdapat kesilapan maklumat cetakan pada sijil. Permohonan sijil ganti (rosak) akan dikenakan bayaran fi seperti **Jadual 2**. Bayaran fi sijil ganti tidak dikenakan jika kesilapan cetakan tersebut bukan disebabkan oleh pemohon.

Permohonan sijil ganti (rosak) hendaklah disertakan dengan dokumen berikut:

- a) Borang Permohonan Sijil (JPK/S/PERSIJILAN/01-P2);
- b) Salinan kad pengenalan;
- c) Salinan Bayaran fi (Bank Draft/Pesanan Tempatan /Kiriman Wang); dan
- d) Sijil Asal SKM/DKM/DLKM/PC.

5.4. Permohonan Sijil Ganti (Hilang)

Permohonan sijil ganti (hilang) adalah disebabkan oleh sijil yang telah diterima hilang dari simpanan atau tidak dapat dikesan. Permohonan sijil ganti (hilang) akan dikenakan bayaran fi seperti **Jadual 2**. Permohonan sijil ganti (hilang) hendaklah disertakan dengan dokumen berikut:

- a) Borang Permohonan Sijil (JPK/S/PERSIJILAN/01-P2);
- b) Salinan kad pengenalan;
- c) Bayaran fi (Bank Draft/Pesanan Tempatan /Kiriman Wang);
- d) Surat Akuan Sumpah (Borang JPK/U/1022-1); dan
- e) Slip Pengesahan Persijilan yang dicetak dari sistem MySpike

Sekiranya pemohon tiada Slip Pengesahan Persijilan, pemohon perlu mengemukakan dokumen berikut:

- a) Salinan SKM/DKM/DLKM/PC; atau
- b) Salinan Sijil Peringkat Asas, Pertengahan; atau
- c) Salinan Penyata Keputusan Ujian Ketukangan yang dikeluarkan oleh MLVK atau JPK (*Jika tiada salinan Sijil Peringkat Asas, Pertengahan dan Tinggi*) atau

d) Surat Pengesahan Pelajar bagi permohonan salinan Sijil Peringkat Asas, Pertengahan dan Tinggi daripada Institut Latihan pemohon yang mengandungi maklumat-maklumat berikut:

- Nama:
- Nombor kad pengenalan:
- Nama Kursus/Ketukangan:
- Kod Program:
- Peringkat Sijil:
 - ✓ Peringkat Asas/ Peringkat Pertengahan/ Peringkat Tinggi;
 - ✓ Lain-lain
- Sesi Masuk:
- Sesi Keluar:
- Tahun Peperiksaan:
- Keputusan:
- Agensi yang Mengeluarkan sijil (LLPPKK, MLVK, JPK dan lain-lain)

(Jika tiada salinan Sijil Peringkat Asas, Pertengahan, Tinggi dan Penyata Keputusan Ujian Ketukangan yang dikeluarkan oleh MLVK atau JPK berwarna/tidak berwarna)

- e) Salinan Borang Pendaftaran dan Pengeluaran Sijil (T1003) – bagi calon SLaPB; atau
- f) Salinan Laporan Penilaian Keseluruhan (JPK/SLDN/P02 Pind 4) – bagi perantis SLDN; atau
- g) Salinan Borang Permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) JPK/PPT/6/6-2014 – bagi calon PPT.

5.5. Permohonan Terjemahan Sijil

Permohonan terjemahan sijil hendaklah disertakan dengan dokumen berikut:

- a) Borang Permohonan Sijil (JPK/S/PERSIJILAN/01-P2);
- b) Salinan kad pengenalan; dan
- c) Salinan SKM/DKM/DLKM/PC.

5.6. Permohonan Transkrip Manual (bagi Calon SLaPB dan perantis SLDN)

Permohonan transkrip hendaklah disertakan bersama dokumen berikut:

- a) Borang Permohonan Sijil (JPK/S/PERSIJILAN/01-P2);
- b) Salinan kad pengenalan;
- c) Salinan digital Transkrip Persijilan Kemahiran Malaysia mengikut format yang disediakan oleh Jabatan, yang diisi lengkap dan disimpan dalam bentuk CDR/Thumb Drive). Format tersebut boleh dimuat turun daripada portal rasmi JPK (www.dsd.gov.my);
- d) Salinan Borang Pendaftaran dan Pengeluaran Sijil (T1003) – bagi calon SLaPB; atau
- e) Salinan Laporan Penilaian Keseluruhan (JPK/SLDN/P02 Pind 4) – bagi perantis SLDN; dan
- f) Salinan SKM/DKM/DLKM bagi setiap tahap yang dimohon.

5.7. Pengeluaran Transkrip Secara Atas Talian (bagi calon SLaPB dan perantis SLDN)

Pengeluaran transkrip secara atas talian adalah seperti berikut:

- a) Bagi calon SLaPB yang berdaftar di bawah program berasaskan kredit, transkrip boleh dimuat turun daripada sistem MySpike.
- b) Bagi perantis SLDN, transkrip boleh dimuat turun daripada sistem eSLDN.

5.8. Permohonan Sijil Tahap Rendah Single Tier

Permohonan Sijil Tahap Rendah Single Tier hendaklah disertakan dengan dokumen berikut:

- a) Borang Permohonan Sijil (JPK/S/PERSIJILAN/01-P2);
- b) Salinan kad pengenalan;
- c) Salinan Resit Bayaran fi (Bank Draft/Pesanan Tempatan /Kiriman Wang); dan
- d) Salinan Sijil SKM/DKM/DLKM (Tahap Tertinggi Yang Telah Diperolehi).

5.9. Permohonan PC-CU oleh Pemegang PC-WA

Permohonan Penyata Pencapaian Unit Kompetensi (CU) bagi calon yang memiliki Penyata Pencapaian Aktiviti Kerja (WA) hendaklah disertakan bersama dokumen berikut :

- a) Borang Permohonan Sijil (JPK/S/PERSIJILAN/01-P2);
- b) Salinan Kad Pengenalan; dan
- c) Salinan PC-WA berkaitan.

5.10. Permohonan SKM oleh Pemegang PC-CU

- a) Permohonan adalah melalui sistem MySPIKE.
- b) Jika tiada maklumat PC di dalam sistem MySPIKE, permohonan hendaklah dihantar secara manual dengan mengemukakan dokumen-dokumen berikut:
 - i. Borang Permohonan Sijil (JPK/S/PERSIJILAN/01-P2);
 - ii. Salinan Kad Pengenalan;
 - iii. Salinan PC berkaitan;
 - iv. Salinan sijil tahap rendah dalam laluan kerjaya NOSS berkenaan bagi permohonan Sijil yang mempunyai NOSS pada tahap rendah;
